



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP



## PELAKSANAAN SISTEM KAWALAN PETROL BERSUBSIDI (SKPS) RON95



## PROGRAM JELAJAH KARNIVAL KPDN 2025 DAN KEMPEN BELI BARANGAN MALAYSIA ZON TIMUR

SEPTEMBER - OKTOBER 2025

Buletin  
**KPDN**  
EDISI 5

# ISI KANDUNGAN

|                                                                                                                    |    |
|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----|
| TINJAUAN PELAKSANAAN SISTEM KAWALAN PETROL BERSUBSIDI RON95<br>OLEH YB MENTERI DI CYBERJAYA                        | 6  |
| PENGUMUMAN SKIM HARGA MAKSIMUM MUSIM PERAYAAN (SHMMP)<br>DEEPAVALI 2025                                            | 8  |
| KPDN BAKAL ANJURKAN PERSIDANGAN E-DAGANG ASEAN 2025                                                                | 10 |
| PELUNCURAN KAMPUNG ANGKAT MADANI DAN SEKOLAH ANGKAT<br>MADANI KPDN                                                 | 11 |
| PROGRAM JELAJAH KARNIVAL KPDN 2025 DAN KEMPEN BELI BARANGAN<br>MALAYSIA ZON SARAWAK                                | 12 |
| PENGUMUMAN TUNTUTAN BAYARAN BALIK TUNAI SISTEM KAWALAN                                                             | 14 |
| KPDN PASTIKAN PERSIAPAN RAPI DIJALANKAN UNTUK<br>PELAKSANAANSKPS                                                   | 15 |
| KPDN PERLUASKAN INISIATIF MENU RAHMAH DI HOSPITAL TUANKU<br>JA'AFAR, NEGERI SEMBILAN                               | 16 |
| MAJLIS PERASMIAN PROGRAM FAIR-TASTE MALAYSIA, JEPUN DI BAWAH<br>INISIATIF KEMPEN BELI BARANGAN MALAYSIA TAHUN 2025 | 18 |
| MAJLIS PENYERAHAN WATIKAH PELANTIKAN ANGGOTA MAJLIS<br>PENASIHAT PENGGUNA NEGARA (MPPN) SESI 2025-2026             | 19 |
| PROGRAM JELAJAH KARNIVAL KPDN 2025 DAN KEMPEN BELI BARANGAN<br>MALAYSIA ZON UTARA                                  | 20 |

# ISI KANDUNGAN

|                                                                                                |    |
|------------------------------------------------------------------------------------------------|----|
| PROGRAM CABARAN INTERAKTIF PENGGUNA KELAB PENGGUNA<br>SEKOLAH PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2025  | 22 |
| PROGRAM HARI CUCI MALAYSIA (HCM) PERINGKAT KPDN                                                | 24 |
| KPDN TERIMA PENARAFAN EMAS                                                                     | 25 |
| “MY GAYA MONTH 2025” PROMOSI INDUSTRI FESYEN TEMPATAN                                          | 26 |
| PENYERAHAN ZAKAT WAKALAH MYIPO DI SABAH                                                        | 27 |
| PERASMIAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PRESMA KALI KE-21 OLEH<br>YB SENATOR DATUK DR. FUZIAH SALLEH | 28 |
| SELAMAT PAGI MALAYSIA :SKIM HARGA MAKSIMUM MUSIM PERAYAAN<br>(SHMMP) DEEPAVALI                 | 29 |
| HARI SUKAN NEGARA : FESTIVAL SUKAN TRADISI KPDN 2025                                           | 30 |
| MESYUARAT JAWATANKUASA EKSEKUTIF NACCOL BILANGAN 2 TAHUN<br>2025                               | 31 |
| PROGRAM JELAJAH KARNIVAL KPDN 2025 DAN KEMPEN BELI<br>BARANGAN MALAYSIA ZON TIMUR              | 32 |
| KAMI BERTINDAK!                                                                                | 34 |
| SOROTAN LENSE KPDN                                                                             | 36 |



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

سَلَامٌ مَّاوِلِدِ الرَّسُولِ

# SALAM MAULIDUR RASUL

MEMBANGUN UMMAH MADANI

5 SEPTEMBER 2025 | 12 RABIULAWAL 1447H

*Ikhlas Daripada*

Pengurusan Tertinggi &  
Seluruh Warga Kerja KPDN



f x d i y t KPDN

[www.kpdn.gov.my](http://www.kpdn.gov.my)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# Selamat Menyambut Hari Deepavali

20 OKTOBER 2025



*Ikhlas Daripada*

Pengurusan Tertinggi &  
Semua Warga Kerja KPDN



KPDN

[www.kpdn.gov.my](http://www.kpdn.gov.my)




## TINJAUAN PELAKSANAAN SISTEM KAWALAN PETROL BERSUBSIDI RON95 OLEH YB MENTERI DI CYBERJAYA

YB Datuk Armizan Mohd Ali, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup turun padang tinjau pelaksanaan Sistem Kawalan Petrol Bersubsidi (SKPS) RON95 pada 3 Oktober 2025 di Cyberjaya.

Dalam sidang media yang diadakan, YB Menteri turut mengumumkan kerajaan bersetuju untuk memasukkan syarikat bot-bot penumpang dalam senarai sektor pengangkutan awam yang layak menerima subsidi petrol RON95.

YB Menteri turut berkesempatan menyerahkan *Fleet Card* kepada beberapa buah syarikat pengangkutan awam darat dan barangan yang terlibat dengan SKPS.





SISTEM KAWALAN PETROL BERSUBSIDI

# SKPS

**RON95**



**SYARIKAT**

**DAFTAR SEGERA**

[mysubsidi.kpdn.gov.my](https://mysubsidi.kpdn.gov.my)

**TARIKH BERMULA**

**15 SEPTEMBER 2025**

## SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

- ▶ Syarikat berdaftar di Malaysia
- ▶ Kenderaan milik syarikat pemohon
- ▶ Kenderaan dengan cukai jalan yang sah
- ▶ Kenderaan tersenarai dalam kategori layak di bawah SKPS



## KENDERAAN PENGANGKUTAN DARAT AWAM

Taksi | Ambulan | Kereta Sewa | Bomba  
Bas Sekolah | Bas Pengantara | Bas Mini  
Bas Berhenti-Henti | Van Mayat



## KENDERAAN PENGANGKUTAN DARAT BARANGAN

Lori Rigid-Refrigated | Semi Panel Van | Lori Rigid-Kandang Haiwan  
Lori Rigid-Kargo Am | Lori Food Catering | Lori Rigid-Hasil Pertanian  
Van Food Catering | Window Van | Van Rigid-Perkhidmatan Bergerak  
Lori Rigid-Luton/Kotak | Panel Van | Lori Rigid-Perkhidmatan Bergerak

## KENDERAAN YANG LAYAK

**9** KENDERAAN  
PENGANGKUTAN  
DARAT  
AWAM

**12** KENDERAAN  
PENGANGKUTAN  
DARAT  
BARANGAN

IMBAS SAYA



SEBARANG PERTANYAAN: 03-8882 5893 | 5894 | 5923 | 6667



YB Datuk Armizan Mohd Ali, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah mengumumkan Pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Deepavali 2025 di Sabah International Convention Centre (SICC), Kota Kinabalu, Sabah pada 13 Oktober 2025.

Dalam pengumuman tersebut, YB Menteri telah memaklumkan bahawa tempoh pelaksanaan SHMMP berlangsung selama tujuh (7) hari iaitu empat (4) hari sebelum perayaan, satu (1) hari semasa perayaan dan dua (2) hari selepas perayaan. Sebanyak sembilan (9) jenis barangan dikawal di bawah skim ini.

SHMMP Deepavali 2025 dikuatkuasakan melalui Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 dan membolehkan penentuan harga dibuat.





KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# SKIM HARGA MAKSIMUM MUSIM PERAYAAN (SHMMP)

## *Hari Deepavali 2025*

KUAT KUASA: 16 HINGGA 22 OKTOBER 2025



**Daging kambing  
biri-biri**  
(Bertulang import)



**Bawang merah  
kecil India**



**Kacang dal**  
(Australia)



**Tomato**



**Bawang merah  
kecil India**  
(Ros)



**Kelapa biji**  
(Harga maksimum di  
peringkat borong sahaja)



**Cili merah**



**Bawang merah  
besar import**



**Kelapa parut**  
(Harga maksimum di  
peringkat runcit sahaja)

### KEWAJIPAN PENIAGA di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 [Akta 723]

- Meletakkan tanda harga merah jambu.
- Tidak menjual melebihi harga maksimum yang ditetapkan.
- Memastikan bekalan barangan mencukupi di pasaran.
- Menggunakan alat timbang dan sukat yang telah ditentukan.



Imbas kod QR untuk membuat  
laporan atau mengemukakan  
aduan kepada KPDN.



Imbas senarai penuh SHMMP  
Hari Deepavali 2025.



## KPDN BAKAL ANJURKAN PERSIDANGAN E-DAGANG ASEAN 2025

YB Senator Datuk Dr. Fuziah Salleh, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup telah hadir dalam sesi *Soft Launch* Persidangan E-Dagang ASEAN 2025 bertempat di Lola By Serai, KLGCC Resort, Kuala Lumpur pada 4 September 2025.

Bersempena dengan Kepengerusian Malaysia dalam ASEAN pada tahun ini, Malaysia bakal menjadi tuan rumah Persidangan E-Dagang ASEAN 2025 (*ASEAN E-Commerce Conference 2025*) yang pertama dan akan berlangsung pada 24 hingga 25 November 2025 di Grand Hyatt, Kuala Lumpur. Persidangan akan dianjurkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dengan kerjasama strategik bersama *Malaysia E-Commerce Chapter* di bawah *Malaysian International Chamber of Commerce and Industry (MICCI)*.

Turut hadir, YBhg. Dato' Haji Amran bin Haji Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Pendayaupayaan Pengguna dan Pengurusan) KPDN, YBrs. Encik Muhamad Hanif bin Asa'ari, Pengarah Sekretariat Perdagangan Pengedaran dan Industri Perkhidmatan serta pegawai-pegawai KPDN.



## PELUNCURAN KAMPUNG ANGKAT MADANI DAN SEKOLAH ANGKAT MADANI KPDN

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah melancarkan Kampung Tikam Batu sebagai Kampung Angkat MADANI dengan peruntukan pembangunan sebanyak RM1 juta, serta tambahan RM100,000 bagi Program Sekolah Angkat MADANI di Sekolah Kebangsaan Tikam Batu, Sungai Petani Kedah pada 13 September 2025.

YBhg. Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar, Ketua Setiausaha KPDN yang menyempurnakan majlis menegaskan inisiatif ini akan meningkatkan kesejahteraan masyarakat luar bandar melalui projek seperti pemasangan lampu solar, pembaikan jalan raya, penambahbaikan kemudahan awam serta pemulihan fasiliti sekolah.



Antara pengisian aktiviti ialah sukan rakyat, mini Program Jualan RAHMAH MADANI (PJRM), pemeriksaan kesihatan percuma dan pelbagai perkhidmatan komuniti. KPDN akan terus komited mendukung agenda Malaysia MADANI dengan memastikan setiap program memberi manfaat menyeluruh dan berpanjangan kepada rakyat.

## PROGRAM JELAJAH KARNIVAL KPDN 2025 DAN KEMPEN BELI BARANGAN MALAYSIA ZON SARAWAK

Jelajah Karnival KPDN 2025 dan Kempen Beli Barangan Malaysia Zon Sarawak telah melabuhkan tirainya setelah berlangsung selama tiga (3) hari bermula 5 hingga 7 September 2025 di Kuching Waterfront, Sarawak dengan penuh warna-warni, sekali gus menghidupkan suasana meriah di Bumi Kenyalang.




Antara pengisian menarik ialah Persembahan Tarian Tradisional, Pertandingan Bintang Kecil KPDN, Pertandingan Bintang Lokal KPDN Zon Sarawak dan Pertandingan E-Sports Sara Hidup *Mobile Legends: Bang Bang*, *The Band Showdown* dan Ekspedisi Kos Sara Hidup: Misi Menjejak Fakta Demi Rakyat Sejahtera dengan penglibatan 10 kumpulan yang terpilih.

Tidak ketinggalan, Program Jualan RAHMAH MADANI (PJRM) menawarkan diskaun antara 10% hingga 30% bagi barangan keperluan harian turut menjadi tumpuan utama dalam kalangan pengunjung yang berlangsung dari jam 9.00 pagi hingga 10.00 malam. Bantuan Sumbangan Asas RAHMAH (SARA) sebanyak RM100 secara one-off boleh juga digunakan untuk barangan yang terpilih.

Karnival dimeriahkan juga dengan Sesi Qasidah oleh kumpulan Raudhatul Muhibbin dan Persembahan Khas Nasyid oleh kumpulan *NowSeeHeart* bersempena dengan sambutan Maulidur Rasul.

Karnival Mini Kerjaya *MYFutureJobs* juga menjadi salah satu pengisian utama bagi pengunjung yang berhasrat untuk mencari pekerjaan. Ia menyediakan peluang temuduga terbuka dengan pelbagai syarikat dari sektor berbeza, dengan kerjasama Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).



Pengisian yang mencuri tumpuan ialah Pertandingan Gusti Lengan anjuran Sarawak Arm Wrestling Association. Suasana di Kuching Waterfront menjadi gamat dengan sorakan penyokong yang memberi semangat kepada peserta yang bertanding.


Program Jelajah Karnival KPDN 2025 dan Kempen Beli Barangan Malaysia Zon Sarawak juga dimeriahkan dengan persembahan istimewa oleh artis-artis jemputan iaitu Baby Shima, Amir Jahari, Melissa Francis dan Wooden Gun.

Majlis Perasmian Penutup Program Jelajah Karnival 2025 dan Kempen Beli Barangan Malaysia Zon Sarawak telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Seri Mohd Sayuthi Bakar, Ketua Setiausaha, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) pada 7 September 2025 di Kuching Waterfront, Sarawak.



YBhg. Dato' Seri KSU turut meluangkan masa mengadakan sesi walkabout ke Program Jualan RAHMAH MADANI (PJRM), Pavilion Kos Sara Hidup dan reruai Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM). Turut diadakan, sesi Penyampaian Kad Diskaun Menu RAHMAH kepada para pengusaha makanan terpilih sebagai salah satu inisiatif KPDN dalam memperkukuh rangkaian kerjasama bersama peniaga tempatan.

Turut hadir dalam Majlis Perasmian Penutup ini ialah YBhg. Datuk Roziah Abudin, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Perdagangan Dalam Negeri), YBhg. Datuk Azman Adam, Ketua Pengarah Bahagian Penguat Kuasa KPDN, YBr. Puan Yusnieza Syarmila Yusoff, Ketua Pengarah, Perbadanan Harta Intelekt Malaysia (MyIPO), YBhg. Dato' Rohaizi Bahari, Pengarah Kanan, Sektor Perdagangan Penedaran dan Perniagaan, YBr. Encik Matthew Anak Dominic Barin, Pengarah KPDN Negeri Sarawak serta pegawai-pegawai kanan kementerian.



**PENGUMUMAN TUNTUTAN BAYARAN BALIK TUNAI  
SISTEM KAWALAN PETROL BERSUBSIDI (SKPS) RON95  
BERMULA PADA 30 SEPTEMBER 2025**

YB Datuk Armizan Mohd Ali, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup telah mengadakan satu sesi sidang media khas di Sungai Petani, Kedah pada 26 September 2025. Dalam sesi itu, beliau membuat pengumuman berkaitan tuntutan bayaran balik tunai subsidi Sistem Kawalan Petrol Bersubsidi (SKPS) RON95 dibuka pada 30 September 2025.

Kemudahan ini disediakan bagi membolehkan syarikat yang belum mendapat fleet card untuk membuat tuntutan perbezaan harga RON95 yang telah dibayar pada harga runcit tanpa subsidi dengan harga subsidi RON95 SKPS iaitu RM2.05 seliter.

KPDN sekali lagi menggesa semua syarikat pengangkutan darat awam dan barangan yang layak untuk membuat pendaftaran segera untuk mendapat manfaat subsidi bahan api petrol RON95.

Sidang media itu telah diadakan bersempena dengan Program Jelajah Karnival KPDN 2025 dan Kempen Beli Barangan Malaysia Zon Utara yang diadakan di Dataran Amanjaya Mall, Sungai Petani.



YB Senator Datuk Dr. Fuziah binti Salleh, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup telah turun padang di Stesen Minyak SHELL, Jalan Utara, Sandakan pada 27 September 2025 dan Petronas Penampang 1, Kota Kinabalu pada 25 September 2025 untuk mengadakan pemantauan persediaan stesen minyak sebelum pelaksanaan Sistem Kawalan Petrol Bersubsidi (SKPS).

Pemantauan ini merupakan langkah proaktif kerajaan bagi memastikan pelaksanaan inisiatif Budi MADANI RON95 (BUDI95) yang bermula pada 30 September 2025 berjalan lancar. Inisiatif ini direka bagi menyalurkan subsidi petrol RON95 secara lebih bersasar kepada golongan layak dan mengelakkan ketirisan serta membantu meringankan beban kos sara hidup rakyat.



Selain meninjau kesiapsiagaan teknikal, YB Timbalan Menteri turut berinteraksi dengan pengusaha stesen minyak bagi memberi penerangan mengenai pelaksanaan SKPS dan BUDI95 serta peranan mereka memastikan subsidi sampai kepada yang layak. Lawatan ini menunjukkan keprihatinan kerajaan mendengar pandangan industri dan memastikan inisiatif berjalan lancar serta bermanfaat kepada rakyat.





## KPDN PERLUASKAN INISIATIF MENU RAHMAH DI HOSPITAL TUANKU JA'AFAR, NEGERI SEMBILAN

YB Senator Datuk Dr. Fuziah binti Salleh, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup telah melancarkan inisiatif Menu RAHMAH@Hospital di Hospital Tuanku Ja'afar, Seremban, Negeri Sembilan (HTJS) pada 9 September 2025. Inisiatif ini menjadikan hospital ini sebagai hospital kedua di Malaysia yang melaksanakan Menu RAHMAH@Hospital selepas Hospital Tuanku Fauziah, Perlis.

Menu RAHMAH@Hospital bukan sekadar usaha menurunkan kos sara hidup, tetapi ia adalah komitmen Kerajaan untuk memastikan setiap pesakit, pengunjung dan warga kerja hospital dapat mengakses makanan berkualiti, sihat dan berpatutan.



Turut hadir YBhg. Dato' Rohaizi bin Bahari, Pengarah Kanan Sektor Perdagangan Pengedaran dan Perniagaan, En. Muhamad Hanif Bin Asa'ari, Pengarah, Sekretariat Perdagangan Pengedaran dan Industri Perkhidmatan serta pegawai-pegawai kementerian.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

INISIATIF KPDN  
KEPENGUNAAN

## *Tip* Merancang Pembelian Barang Dapur Dengan Teliti & Mengikut Keperluan



**Menyemak** stok barangan yang ada sebelum keluar membeli.



**Memeriksa** peti ais dan ruang simpanan bahan kering untuk mengelakkan pembelian barang yang masih ada terutama yang barang tidak tahan lama.



**Menyediakan** senarai semak pembelian.



**Membandingkan** harga untuk mendapatkan harga terendah dan berpatutan.



**Menyemak** tarikh luput produk sebelum membeli.



KPDN  
[www.kpdn.gov.my](http://www.kpdn.gov.my)

## MAJLIS PERASMIAN PROGRAM FAIR-TASTE MALAYSIA, JEPUN DI BAWAH INISIATIF KEMPEN BELI BARANGAN MALAYSIA TAHUN 2025



YBhg. Datuk Roziah Binti Abudin, Timbalan Ketua Setiausaha, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah merasmikan program Program *Fair-Taste* Malaysia, Jepun di bawah Inisiatif Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM) Tahun 2025 bertempat di AEON Makuhari Shintoshin, Tokyo, Jepun pada 20 September 2025.

Program ini merupakan sebahagian daripada inisiatif KBBM Tahun 2025 yang telah dirancang dalam usaha membawa produk usahawan tempatan ke pentas antarabangsa sekali gus memperkasakan Kempen Beli Barangan Tempatan. Sejumlah 177 SKU telah dibawa ke Jepun untuk dipamerkan di AEON Makuhari Shintoshin, Tokyo bagi tujuan promosi dan pengenalan barangan Malaysia kepada masyarakat Jepun.

Turut hadir ialah Encik Zainal Azlan Bin Mohd Nadzir, Timbalan Ketua Perwakilan, Kedutaan Besar Malaysia di Jepun, Encik Adiratno bin Che Ani, Pengarah Bahagian Pembangunan Perniagaan, Cik Syaliza Abd Aziz, Pengarah Pelancongan Malaysia di Tokyo dan Encik Izran bin Abdullah, Pengarah Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia di Tokyo.



## MAJLIS PENYERAHAN WATIKAH PELANTIKAN ANGGOTA MAJLIS PENASIHAT PENGGUNA NEGARA (MPPN) SESI 2025-2026

Pada 19 September 2025, telah berlangsung Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan 14 Anggota baharu Majlis Penasihat Pengguna Negara (MPPN) Sesi 2025-2026 yang disempurnakan oleh YB Datuk Armizan Mohd Ali, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup di Thistle Hotel, Port Dickson, Negeri Sembilan.

YB Menteri berkesempatan menyampaikan amanat berkaitan advokasi kepenggunaan selaras empat (4) teras pemacu dan anjakan fokus KPND dalam menggerakkan agenda kerajaan ke arah perkukuh struktur ekonomi negara.

Mesyuarat Majlis Penasihat Pengguna Negara (MPPN) Bil. 1/2025 yang dipengerusikan secara bersama oleh YBhg. Dato' Hj. Amran Hj. Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Pendayaupayaan Pengguna) dan YBrs. Tuan Hj. Mohd Khair Ngadiron, Pengerusi MPPN pada 18 September 2025 telah membincangkan isu-isu dan perlindungan pengguna di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999 [Akta 599].

Turut hadir dalam sesi penyerahan watikah ialah YBrs. Pn. Juriani Jalaluddin, Pengarah Bahagian Penyelidikan dan Dasar Kepenggunaan, wakil-wakil bahagian dan pegawai-pegawai kanan kerajaan.



## PROGRAM JELAJAH KARNIVAL KPDN 2025 DAN KEMPEN BELI BARANGAN MALAYSIA ZON UTARA

Program Jelajah Karnival KPDN 2025 dan Kempen Beli Barangan Malaysia Zon Utara telah berlangsung selama tiga (3) hari bermula 26 hingga 28 September 2025. Majlis disempurnakan oleh YB Datuk Armizan Mohd Ali, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup pada 26 September 2025 di Amanjaya Mall Sungai Petani, Kedah.

YB Menteri turut berkesempatan menyampaikan Sumbangan Bakul RAHMAH kepada 200 penerima terpilih. Bakul RAHMAH merupakan satu inisiatif di bawah KPDN yang berbentuk bakul makanan yang terdiri daripada barangan keperluan harian.

Uniknya pada jelajah kali ini, KPDN membawakan khas Program Jualan RAHMAH MADANI (PJRM) yang berjaya melakar kejayaan apabila menerima pengiktirafan *Malaysia Book of Records (MBOR)* sebagai “Longest Non-Stop Government Community Sale” selepas berlangsung selama 56 jam tanpa henti.

Antara pengisian menarik yang berlangsung ialah Pertandingan Art Battle 2025 dengan bertemakan Jom Beli Lokal, Pertandingan *The Band Showdown: Muzik Sebagai Wadah Sara Hidup (Versi Akustik)*, Pertandingan nyanyian Cilik Patriotik, Pertandingan Eksplorasi Mini KPDN, Pertandingan Mewarna Kanak-kanak, sesi *Meet & Greet* bersama Didi & Friends, penyampaian Kad Diskaun Menu RAHMAH, sesi *Pocket Talk* serta Tarian Kebudayaan oleh Kelab Kitarsis, Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Turut diadakan di segmen Pavilion Kos Sara Hidup ialah Ekspedisi Kos Sara Hidup dan Pertandingan E-Sports Sara Hidup *Mobile Legends: Bang Bang*. Lebih 400 peluang pekerjaan turut ditawarkan kepada individu yang sedang mencari kerja dengan pelbagai bidang pekerjaan. Terdapat juga perkhidmatan *manicure* dan *pedicure* daripada pelajar Kolej Komuniti Sungai Petani di segmen Kos Sara Hidup.

Karnival dimeriahkan dengan Persembahan Artis Jemputan iaitu Usop, Black Hanifah dan Iman Troye serta Persembahan Khas Nasyid oleh kumpulan Hijjaz yang berjaya menarik ribuan pengunjung untuk bersama-sama berhibur. Kumpulan Darulaman Buskers telah menghiburkan para pengunjung dengan persembahan penutup yang mencipta suasana harmoni dan penuh keceriaan.



# PROGRAM CABARAN INTERAKTIF PENGGUNA KELAB PENGGUNA SEKOLAH PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2025



Pada 30 September 2025 telah berlangsung Program Cabaran Interaktif Pengguna Kelab Pengguna Sekolah (CIPKPS) Peringkat Kebangsaan Tahun 2025 di Hotel Thistle, Port Dickson.

Program ini merupakan inisiatif di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan berlangsung selama tiga (3) hari bermula 30 September - 2 Oktober 2025. Pertandingan ini mengambil pendekatan secara cabaran interaktif berkonsepkan *explorace* yang menguji kecekapan, pengetahuan dan amalan kepenggunaan.

Sesi *Flag Off* telah disempurnakan oleh YBrs. En. Mohd Zaid Idris, Pengarah Bahagian Gerakan Kepenggunaan dan Encik Muhammad Zahir Mazlan, Pengarah KPDN Negeri Sembilan.

Sebanyak 16 sekolah menengah yang telah mewakili seluruh negeri di Malaysia dengan penglibatan seramai 64 orang pelajar telah menyertai cabaran ini. Maktab Tentera DiRaja, Kuala Lumpur berjaya mendapat tempat pertama dalam Cabaran Interaktif Pengguna Kelab Pengguna Sekolah (CIPKPS), diikuti dengan SM Sains Sultan Mahmud, Terengganu dan SM Sains Tapah, Perak.

YBhg. Dato' Seri Mohd Sayuthi Bakar, Ketua Setiausaha, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah menyempurnakan Majlis Perasmian Penutup Himpunan Perdana Kelab Pengguna Sekolah Peringkat Kebangsaan Tahun 2025.

Turut hadir ialah YBhg. Dato' Hj. Amran Hj. Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Pendayaupayaan Pengguna dan Pengurusan), YBrs. En. Ahmad Haridan Hj. Mohammed, Timbalan Pengarah (Sektor Pengurusan Kokurikulum dan Kesenian), Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian, KPM, pengarah-pengarah bahagian dan KPDN negeri, guru-guru penasihat KPS serta pegawai-pegawai kanan kementerian.




## PROGRAM HARI CUCI MALAYSIA (HCM) PERINGKAT KPDN



Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah menganjurkan Program Hari Cuci Malaysia (HCM) Peringkat KPDN di Masjid Al-Imam An-Nawawi, Ambangan Height, Sungai Petani, Kedah pada 27 September 2025 dirasmikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar.

Program ini memupuk kerjasama dan kesedaran kebersihan awam serta mengeratkan hubungan komuniti dengan warga KPDN melalui gotong-royong membersih masjid dan penyediaan juadah bersama.

Program yang dilaksanakan secara sederhana ini untuk menyokong inisiatif Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mencatatkan rekod penyertaan serentak 100,000 peserta di seluruh negara. Lebih 200 peserta termasuk kariah masjid, para pegawai KPDN dan penduduk setempat hadir bagi mengimarahkan program. Turut dilaksanakan agihan 30 Bakul Rahmah serta sumbangan Zakat Wakalah MyIPO RM100 kepada 100 penerima yang layak.





# KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP

ANUGERAH EMAS

**KPDN TERIMA PENARAFAN EMAS**

KPDN telah dianugerahkan penarafan Emas bagi Pengurusan Aduan Awam yang merupakan pengiktirafan sebagai pemangkin untuk terus meningkatkan mutu perkhidmatan demi melindungi hak-hak pengguna dan memastikan kepentingan rakyat sentiasa diutamakan.

YBhg. Dato' Haji Amran bin Haji Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Pendayaupayaan Pengguna dan Pengurusan) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah hadir menerima pengiktirafan dalam Majlis Apresiasi Penarafan Pengurusan Aduan Awam Kementerian Tahun 2025 pada 30 September 2025 di Putrajaya.

Majlis telah disempurnakan oleh YBhg. Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar, Ketua Setiausaha Negara bertujuan memberikan pengiktirafan kepada kementerian yang berjaya menguruskan aduan awam secara berkesan, selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI.





## “MY GAYA MONTH 2025” PROMOSI INDUSTRI FESYEN TEMPATAN

YB Datuk Armizan Mohd Ali, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah merasmikan My Gaya Month 2025 (MGM 2025) di Pavillion Bukit Jalil pada 2 Oktober 2025.

Penganjuran MGM 2025 merupakan hasil kerjasama strategik antara Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dengan Persatuan Pereka Bumiputera Malaysia (MBDA). Program jualan berkonsepkan MGM 2025 menjadi sebahagian daripada Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM) 2025, dengan tumpuan khusus kepada segmen fesyen dan gaya hidup.

MGM 2025 yang berlangsung sepanjang Oktober 2025 bakal menampilkan pelbagai program menarik, termasuk reruai jualan, forum dan sesi bicara industri fesyen, pelancaran produk baharu, bengkel penggayaan (*styling workshops*), sesi ramah mesra (*meet & greet*) bersama pereka, selebriti serta pempengaruh, selain pertandingan kostum animasi yang dijangka menambah daya tarikan MGM 2025.





## PENYERAHAN ZAKAT WAKALAH MyIPO DI SABAH



YB Senator Datuk Dr. Fuziah Salleh, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup dengan kerjasama Perbadanan Harta Intelekt Malaysia (MyIPO) menzahirkan komitmen sosialnya melalui majlis penyerahan zakat wakalah yang telah berlangsung pada 6 Oktober 2025 di Kota Kinabalu dan 7 Oktober 2025 di Tawau, Sabah.

Penyerahan ini merupakan sebahagian daripada usaha berterusan MyIPO untuk menyantuni golongan yang memerlukan, khususnya asnaf yang layak menerima zakat, serta memperkukuh semangat keprihatinan dan kebersamaan selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI.

Program ini bukan sekadar memenuhi kewajipan zakat perniagaan, malah memperkukuh hubungan antara MyIPO dengan komuniti setempat. Ia membuka ruang bagi MyIPO untuk mendekati masyarakat secara langsung, memahami keperluan semasa dan menyumbang ke arah kesejahteraan yang lebih inklusif.

Pendekatan ini selari dengan prinsip *Whole of Nation*, di mana tanggungjawab membantu masyarakat dipikul bersama-sama oleh pelbagai pihak bagi memastikan tiada yang tercicir daripada mendapat manfaat sekali gus membuktikan keprihatinan organisasi kerajaan dalam mengimbangi tanggungjawab ekonomi dan sosial.

# MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE 21

Dirasmikan Oleh  
YB Senator Datuk Dr. Fuziah Binti Salleh  
Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup  
8 Oktober 2025 | Rabu | 2.00 Ptg – 6.30 Ptg | Menara Matrade

## PERASMIAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PRESMA KALI KE-21 OLEH YB SENATOR DATUK DR. FUZIAH SALLEH

YB Senator Datuk Dr. Fuziah binti Salleh, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup telah menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan PRESMA Kali ke-21 di MATRADE, Kuala Lumpur pada 8 Oktober 2025.



Persatuan Pengusaha Restoran Muslim Malaysia (PRESMA) merupakan rakan strategik KPDN dalam menjayakan inisiatif berkaitan industri makanan, termasuk Kempen Menu RAHMAH.

Turut hadir YBhg. Dato' Hj Jawahar Ali bin Taib Khan, Presiden PRESMA, Encik Habebur Rahman, Setiausaha Agung PRESMA dan ahli-ahli jawatankuasa PRESMA.



Sesi temubual bersama YBhg. Datuk Azman bin Adam, Ketua Pengarah Penguat Kuasa, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) yang membicarakan tentang pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Deepavali di Angkasapuri, Kuala Lumpur pada 14 Oktober 2025.



SHMMP Deepavali berkuatkuasa pada 16 Oktober 2025 sehingga 22 Oktober 2025 bertujuan untuk membantu rakyat yang menyambut perayaan tersebut dengan cara menstabilkan harga supaya barang keperluan dapat dijual pada harga yang berpatutan dan pengguna boleh berbelanja dalam keadaan selesa.

# HARI SUKAN NEGARA : FESTIVAL SUKAN TRADISI KPDN 2025



Festival Sukan Tradisi KPDN 2025 telah berlangsung di Menara KPDN, Putrajaya pada 18 Oktober 2025.

Program ini dianjurkan untuk merealisasikan hasrat dan aspirasi untuk menggalak dan menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang mempunyai rakyat yang membudayakan sukan.



Sesi Flag Off telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Seri Mohd Sayuthi Bakar, Ketua Setiausaha KPDN.

Turut hadir YBhg. Datuk Azman bin Adam, Ketua Pengarah Penguat Kuasa, En Zikril Azman bin Abdullah, Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan dan Kewangan serta pegawai-pegawai KPDN.





YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri Malaysia | telah mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) Bilangan 2 Tahun 2025 di Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur pada 22 Oktober 2025.

Mesyuarat ini bertujuan untuk meneliti cadangan kerjasama pelaksanaan TVET Tahfiz merangkumi beberapa agensi kerajaan bagi memperluas akses program TVET untuk pelajar dari institut tahfiz dan pondok.

Selain itu, kertas pertimbangan berhubung cadangan menangani isu kos tambahan persekolahan daripada Kementerian Pendidikan, dapatan Survei Pendapatan dan Perbelanjaan 2023/2024 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia serta Cadangan Menangani Isu Kos Sara Hidup oleh Kementerian Ekonomi juga dibentangkan dalam mesyuarat tersebut.

Turut hadir YB Datuk Armizan Mohd Ali, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, YB Senator Datuk Dr. Fuziah Salleh, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, YBhg. Dato' Seri Mohd Sayuthi Bakar, Ketua Setiausaha KPDN serta ahli-ahli eksekutif tertinggi.

## PROGRAM JELAJAH KARNIVAL KPDN 2025 DAN KEMPEN BELI BARANGAN MALAYSIA ZON TIMUR

Siri Jelajah Karnival KPDN 2025 dan Kempen Beli Barangan Malaysia meneruskan siri penganjurannya di pantai timur bermula pada 24 hingga 26 Oktober 2025. Majlis perasmian yang berlangsung di Dataran Sayangi Kuantan, Pahang ini telah disempurnakan oleh YB Senator Datuk Dr. Fuziah Salleh, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup.



Dalam ucapan perasmian, beliau memaklumkan bahawa KPDN telah mencapai kejayaan luar biasa bagi pelaksanaan Jualan RAHMAH MADANI (PJRM) di Negeri Pahang yang merekodkan nilai jualan lebih daripada 1.15 juta transaksi bernilai RM41.9 juta setakat 24 Oktober 2025. Ini membuktikan keberkesanan pendekatan Kerajaan dalam usaha 'menaikkan lantai' taraf hidup rakyat melalui inisiatif Payung RAHMAH.

Antara pengisian menarik yang berlangsung sepanjang jelajah karnival KPDN ialah Pertandingan Ekspedisi Kos Sara Hidup: Misi Menjejak Fakta, Demi Rakyat Sejahtera, E-Sports Sara Hidup *Mobile Legends: Bang Bang*, sesi *Pocket Talk* dan *Kahoot*.

Para pengunjung turut berpeluang menyertai aktiviti santai seperti Mencanting dan Mewarna Batik serta Eksplorasi Mini KPDN. Antara acara yang mencuri perhatian seisi keluarga ialah Pertandingan Mewarna Kanak-Kanak serta sesi *Meet & Greet* bersama *Didi & Friends* yang menceriakan para pengunjung cilik. Manakala di segmen Pavilion Kos Sara Hidup telah berlangsung Pertandingan *The Band Showdown: Muzik Sebagai Wadah Sara Hidup*, yang mengetengahkan bakat-bakat muda dalam bidang muzik membuktikan bahawa seni juga mampu menjadi sumber rezeki.

KPDN menganjurkan jualan Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM) yang mempromosikan produk-produk lokal berkualiti tinggi dan berpatutan. Barangan keperluan kering dan basah seperti makanan laut dan daging dengan potongan harga diskaun antara 10% hingga 30% antara yang menjadi tumpuan para pengunjung yang hadir di segmen Program Jualan RAHMAH MADANI (PJRM).

Karnival dimeriahkan dengan Persembahan Artis Jemputan iaitu Haqiem Rusli, Nadeera Zaini dan Ummi Umairah serta Amad Dayyan yang berjaya menarik ribuan pengunjung untuk hadir bersama-sama keluarga menikmati cuti malam minggu. Persembahan Khas oleh kumpulan UNIC dan Kumpulan Cherpen tampil menghiburkan pengunjung dengan persembahan santai yang mencipta suasana harmoni dan penuh keceriaan.



Pengunjung juga tidak melepaskan peluang menikmati pelbagai Menu RAHMAH yang enak dan menarik pada harga serendah RM5, hasil kerjasama usahawan makanan tempatan.

Jelajah Karnival KPDN Zon Timur ini berjaya menarik penyertaan seramai 53 usahawan tempatan, sekali gus menyumbang kepada jumlah kumulatif 266 usahawan yang telah menyertai Jelajah Karnival KPDN bagi lima siri pelaksanaan sepanjang tahun 2025. Turut disampaikan 100 sumbangan bakul RAHMAH kepada penerima yang layak.

Turut hadir YBhg. Dato' Seri Mohd Sayuthi Bakar, Ketua Setiausaha KPDN, YBhg. Datuk Roziah binti Abudin, Timbalan Ketua Setiausaha KPDN dan pegawai-pegawai kanan kementerian.



## AKTIVITI PENGUATKUASAAN KPDN NEGERI KELANTAN

Pegawai Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Negeri Kelantan telah menjalankan pemeriksaan dan pemantauan bagi perundangan yang dikuasakan KPDN di Kelantan terutamanya lokasi tumpuan awam pada 13 Oktober 2025.

Objektif pemantauan bertujuan untuk memastikan pematuhan peniaga dan keberadaan bekalan barang keperluan sentiasa mencukupi, serta kestabilan harga kepada pengguna.

KPDN Kelantan akan meningkatkan ketangkasan dalam menangani isu ketirisan barang kawalan dan barang kawalan bersubsidi. Ini sejajar dengan pelaksanaan Gerakan Membanteras Manipulasi dan dan Ketirisan (KITA GEMPUR).





## AKTIVITI PENGUATKUASAAN KPDN NEGERI PULAU PINANG

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Negeri Pulau Pinang telah melaksanakan pemantauan pada 1 Oktober 2025 di beberapa stesen minyak terpilih Pulau Pinang sempena pelaksanaan penuh Program BUDI MADANI (BUDI95) yang bermula pada 30 September 2025.

Penguatkuasaan turut memastikan kenderaan berpendaftaran asing hanya dibenarkan mengisi petrol RON97, selaras dengan dasar kerajaan bagi memastikan subsidi RON95 tidak dinikmati oleh pihak yang tidak layak.

Berdasarkan statistik penguatkuasaan KPDN Negeri Pulau Pinang sehingga kini, sebanyak 15 buah stesen minyak telah diperiksa, dan hanya satu aduan teknikal telah diterima dan telah diselesaikan segera mengikut prosedur yang ditetapkan.

KPDN mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pihak yang didapati melakukan kesalahan manipulasi, penyelewengan atau penyeludupan petrol RON95 di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 [Akta 122] serta peraturan-peraturan yang sedang berkuat kuasa.

KPDN Negeri Pulau Pinang menyeru semua pihak untuk terus memberikan kerjasama demi memastikan kelancaran pelaksanaan Program BUDI95 agar subsidi petrol RON95 benar-benar dinikmati oleh golongan sasaran.



# SOROTAN





# LENSA KPDN





# SOROTAN





# LENSA KPDN





## SKIM HARGA MAKSIMUM MUSIM PERAYAAN (SHMMP) DEEPAVALI 2025

